



International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education

<https://www.akademiabaru.com/submit/index.php/frle/index>

ISSN: 2462 - 1951



Kajian Tahap Kompetensi Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2019 Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Competency Level of June 2019 Intake Students in the Bachelor of Teaching Programme of Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus

Faridah binti Yakob¹, Azlina binti Ahmad², Lee Leh Hong^{1,*}

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Malaysia

² Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu, Malaysia

ABSTRACT

Standard Guru Malaysia merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi professional yang patut dicapai oleh guru, serta keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru-guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 yang baharu menamatkan pengajian mereka selama lima (5) tahun di IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu dengan menggunakan Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) dalam Kerangka SGM 2.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kompetensi semua domain SGM 2.0 pelajar ini berada pada min=2.47 (SP=0.69). Keempat-empat domain mencapai standard kompetensi SGM 2.0, iaitu min bagi domain orientasi ilmu adalah 2.44, domain instruksional adalah 2.45, domain pelibatan komuniti adalah 2.48 dan domain kualiti peribadi adalah 2.52. Walaupun semua domain mencapai standard kompetensi SGM 2.0 bermakna mereka mempunyai kekuatan yang memenuhi keperluan minimum tetapi masih perlu mempertingkatkan aspek profesionalisme mereka. Pengkaji mencadangkan agar pelajar-pelajar ini mempunyai sikap keterbukaan untuk menerima perubahan dasar seperti MADANI, tujuh (7) teras utama KPM, perubahan tatakelola serta cabaran global yang lain. Pengkaji juga mencadangkan agar IPGKIK merancang dan membangunkan program atau aktiviti yang mengambilkira cabaran baharu ini untuk membangunkan graduan IPGKIK yang dapat menangani cabaran baharu, karakter guru yang baik serta kompeten dan berjiwa pendidik.

The Malaysian Teacher Standard is a standard that outlines the professional competence that should be achieved by teachers, as well as the requirements that should be provided by teacher training agencies and institutions to help teachers achieve the set level of competence. This study was conducted to identify the level of competence of June 2018 intake students who have just completed their five (5) year studies at Institute of Teacher Education Ilmu khas Campus (IPGKIK), Kuala Lumpur. This study uses a quantitative approach by using the Self Competence Checklist (SSKD) SGM 2.0. The findings of this study show that overall, the competency level of all SGM 2.0 domains of these students is at mean=2.47 (SP=0.69). All four domains achieve the SGM 2.0 competency standard, which mean for the knowledge orientation domain is 2.44, the instructional domain is 2.45, the community involvement domain is 2.48 and the personal quality domain is 2.52. Although all domains reach the SGM 2.0 competency standard it means that they have strengths that meet the minimum requirements but need to improve their professionalism aspect. The researchers suggested that these students have an attitude of openness to accept policy changes such as MADANI, the seven (7) main thrusts of KPM, governance changes and

* Corresponding author.

E-mail address: sharonlee@ipgkik.edu.my

other global challenges. Researchers also suggested that IPGKIK plan and develop programmes or activities that take into account these new challenges to develop IPGKIK graduates who can deal with new challenges, good teacher character, competent and has an educator spirit

Keywords:

Standard Guru Malaysia, orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti, kualiti peribadi

Received: 25 October 2024

Revised: 5 November 2024

Accepted: 27 November 2024

Published: 15 December 2024

1. Pengenalan

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) sebagai Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru telah diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan guru siswazah yang terlatih. Program pengajian yang ditawarkan oleh IPGM adalah untuk menyediakan bakal guru dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan amalan pedagogi dan pelbagai aspek lain dalam profesion perguruan. Program yang ditawarkan ini dilaksanakan di kampus-kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara. Secara umumnya, matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru-guru siswazah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru [1]. Dalam usaha ini, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) berharap dapat menghasilkan graduan keluaran IPGKIK yang kompeten dan berjiwa pendidik sejajar dengan kompetensi yang digariskan dalam SGM 2.0.

Bagi memastikan kompetensi guru yang disenaraikan bersesuaian dengan perubahan terkini pendidikan dalam abad ke-21 dan Revolusi Industri 4.0, maka Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) telah dihasilkan pada 2019 dan diterbitkan dalam cetakan pertama pada 2020 menggantikan SGM. Dokumen ini menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki seorang guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan [2]. Kompetensi dalam SGM 2.0 ini diharapkan dapat melahirkan guru yang berjiwa pendidik dan perlu digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional bagi seseorang guru supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan seterusnya dapat merancang pembangunan profesional sendiri mengikut keperluan masing-masing.

Isu berkaitan kualiti guru dan etika profesion keguruan masih menjadi permasalahan yang kerap dibincangkan di negara kita. Ini mencerminkan wujudnya keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek pembangunan profesionalisme keguruan. Berdasarkan kajian, guru-guru didapati kurang menghayati nilai-nilai penting dalam profesion keguruan, terutamanya dari segi amalan pengorbanan diri yang rendah [3]. Hal ini turut menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam pembentukan sifat seorang guru yang benar-benar berjiwa pendidik. Keperibadian guru memainkan peranan utama dalam profesionalisme keguruan [4]. Setiap guru harus memiliki sifat amanah dan ikhlas bagi menunaikan tanggungjawab sebagai seorang guru berpandukan etika keguruan. Tambahan lagi ramai guru kurang jelas dengan objektif dan kandungan Standard Guru Malaysia 2.0 dan pihak yang bertanggungjawab perlu memberi pendedahan secara lebih mendalam kepada guru [2].

Setiap tahun, graduan IPGKIK ditempatkan ke sekolah-sekolah di seluruh negara berdasarkan bidang pengkhususan dan keperluan negara setelah mengikuti pembelajaran selama lima (5) tahun iaitu program persediaan satu (1) tahun dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) empat (4) tahun. Hasrat IPGKIK adalah melahirkan bakal guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Namun, kompetensi mereka ini perlu dikaji sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan demi menjaga

kualiti dan memastikan graduan yang dihasilkan IPGKIK ini menepati standard kompetensi guru seperti yang digariskan dalam SGM 2.0.

1.1 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0?
- ii. Apakah tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain orientasi ilmu?
- iii. Apakah tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain instruksional?
- iv. Apakah tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain pelibatan komuniti?
- v. Apakah tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain kualiti peribadi?

1.2 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0
- ii. Mengenal pasti tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain orientasi ilmu.
- iii. Mengenal pasti tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain instruksional.
- iv. Mengenal pasti tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain pelibatan komuniti.
- v. Mengenal pasti tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dari domain kualiti peribadi.

2. Tinjauan Literatur


Kajian lepas mendapati pelbagai elemen yang digunakan untuk menilai kualiti guru. Menurut Hasriadi [5], strategi pengajaran dan pembelajaran merupakan aktiviti yang melibatkan pendidik dan pelajar dalam mencapai objektif pembelajaran. Pengajaran yang efektif memerlukan guru yang kompeten dalam pelbagai strategi pembelajaran untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan, melibatkan teori, pendekatan, dan teknik pengajaran.

Dalam Model SGM 2.0, guru perlu mahir merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran untuk membentuk murid yang holistik. Menurut Arbaa *et al.*, [7], guru perlu menguasai pendekatan, strategi, dan teknik pembelajaran yang relevan dengan trend pendidikan semasa bagi menyampaikan pengajaran yang berkesan dan bermakna. Selain itu, mereka juga perlu menguasai pedagogi abad ke-21 yang menekankan 6C iaitu komunikasi, pembelajaran kolaboratif, pemikiran kreatif, pemikiran kritis, karakter, dan kewarganegaraan [6,7]. Kemahiran ini perlu bermula dengan pembentukan guru pelatih yang berkualiti, kompeten, dan dinamik.

Elemen pengurusan dan hal ehwal murid serta pelibatan komuniti juga memainkan peranan penting dalam pembentukan karakter guru ini. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia [8], SGM 2.0 ialah piawaian yang menetapkan kompetensi profesional yang harus dicapai oleh guru untuk membentuk jiwa pendidik yang sempurna dan holistik. Kerangka SGM 2.0 berasaskan dua komponen utama, iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan. Dimensi kompetensi ini terdiri daripada empat

domain: orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti, dan kualiti peribadi. Keempat-empat domain ini merangkumi 15 kompetensi dan 35 elemen. Selain itu, kerangka ini juga memperincikan etika keguruan yang dibahagikan kepada empat teras, iaitu tanggungjawab terhadap profesion, murid, ibu bapa atau penjaga, serta masyarakat dan negara. Justeru, Kerangka SGM 2.0 menjadi rujukan utama dalam kajian ini untuk menetapkan domain dan kompetensi yang diperlukan.

Rajah 1 menunjukkan empat (4) domain kompetensi yang terdapat dalam Kerangka SGM 2.0 [8]. Domain merangkumi tindakan atau perlakuan profesional seorang guru semasa mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan keperibadian dalam konteks PdP serta merupakan ciri-ciri yang membawa kepada pencapaian sesuatu standard kompetensi [8]. Terdapat empat (4) domain yang disenaraikan dalam SGM 2.0 iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dapat membantu guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan. Setiap domain diperincikan dengan kompetensi, elemen, dan deskriptor. Terdapat sebanyak 15 kompetensi dalam kerangka ini iaitu merupakan aspek nilai profesional, pengetahuan dan kemahiran yang terdiri daripada kombinasi ciri-ciri kualiti dan keupayaan profesional yang perlu bagi memastikan prestasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seorang guru. Setiap kompetensi tersebut diperincikan melalui elemen masing-masing. Terdapat sebanyak 35 elemen dalam kerangka ini. Elemen merujuk kepada tindakan atau perlakuan profesional guru semasa mengaplikasikan ilmu, kemahiran, dan keperibadian dalam konteks PdP [8].



Rajah 1. Kerangka SGM 2.0 [8]

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai cara mengumpul data utama melalui kaedah kajian tinjauan. Populasi kajian ini adalah seramai 122 orang pelajar yang merupakan populasi pelajar Ambilan Jun 2019 yang telah mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di IPG Kampus Ilmu Khas. Pelajar-pelajar ini dikaji tahap kompetensi mereka kerana mereka baharu menamatkan pengajian di IPGKIK dan akan ditempatkan ke sekolah tidak lama lagi. Dalam kajian ini,

pengkaji memfokuskan dimensi kompetensi yang terdapat dalam Kerangka SGM 2.0. Instrumen kajian ini adalah merupakan Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) SGM 2.0 [8].

Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) telah diedarkan secara talian menggunakan *google form* kepada pelajar-pelajar Ambilan Jun 2019 ini. SSKD meliputi lima (5) bahagian seperti yang berikut;

- Bahagian A : Demografi Responden
- Bahagian B : Domain Orientasi Ilmu
- Bahagian C : Domain Instruksional
- Bahagian D : Domain Pelibatan Komuniti
- Bahagian E : Domain Kualiti Peribadi

Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) merupakan panduan kepada guru untuk mengenal pasti keupayaan sedia ada bagi merancang pembangunan profesionalisme sendiri secara berterusan. SSKD disusun berdasarkan Domain, Kompetensi, Elemen, dan Deskriptor seperti yang terkandung dalam SGM 2.0. Jadual 1 menunjukkan deskriptor SSKD disediakan mengikut empat (4) tahap keupayaan. Deskriptor merupakan huraian tindakan atau perlakuan profesional yang boleh dilihat dan diukur bagi setiap elemen. Deskriptor ini dijadikan instrumen penilaian sendiri seperti di Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) bagi mengenal pasti standard kompetensi guru.

Jadual 1
Jadual Deskriptor SSKD [8]

Tahap	Penjelasan Tahap
1 Saya belum berupaya	Terdapat kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan
2 Saya berupaya tetapi perlu belajar lagi	Mempunyai kekuatan yang memenuhi keperluan minimum tetapi perlu mempertingkatkan aspek profesionalisme
3 Saya berupaya dengan baik	Banyak kekuatan yang melebihi keperluan minimum
4 Saya sangat berupaya dan boleh membimbing individu lain	Kekuatan keseluruhan yang sangat jelas dan mempunyai nilai tambah yang dapat dikongsi bersama-sama individu lain

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan berpandukan program *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22.0*. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min berasaskan Senarai Semak Kompetensi Diri (SSKD) Standard Guru Malaysia 2.0 [8] dengan menginterpretasikan min tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dalam kajian ini seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Jadual Interpretasi Tahap SSKD [8]

Tahap	Interpretasi Tahap SSKD
1.00-2.00	Keupayaan sendiri yang dinilai pada tahap "Saya berupaya tetapi perlu belajar lagi" atau "saya belum berupaya". Ini menunjukkan guru hanya mencapai standard kompetensi minima dan perlu meningkatkan kompetensi melalui PPB yang bersesuaian mengikut keperluan guru.
2.01-4.00	Keupayaan sendiri yang dinilai pada tahap "Saya sangat berupaya dan boleh membimbing individu lain" atau "saya berupaya dengan baik". Ini menunjukkan guru telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0.

4.1 Profil Responden Kajian

Seramai 115 orang pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 dari lima (5) pengkhususan pengajian telah memberikan respon kepada SSKD iaitu merupakan 94.3% populasi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 yang terdiri daripada 122 orang. Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat 60 (52%) orang pelajar lelaki dan 55 (48%) orang pelajar adalah perempuan.

Jadual 3

Taburan Responden Kajian Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	60	52.0
Perempuan	55	48.0
Jumlah	115	100

Jadual 4 menunjukkan taburan responden kajian daripada lima (5) bidang pengkhususan iaitu seramai 22 (19.1%) pelajar daripada Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, 2 (1.7%) pelajar daripada Pendidikan Khas Masalah Penglihatan, 8 (7.0%) pelajar daripada Pendidikan Khas Masalah Pendengaran, 28 (24.4%) pelajar daripada Pendidikan Muzik dan 55 (47.8%) pelajar daripada Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Jadual 4

Taburan Responden Kajian Mengikut Bidang Pengkhususan

Bil	Pengkhususan Pengajian	Bil	Peratus (%)
1	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	22	19.1
2	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan	2	1.7
3	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran	8	7.0
4	Pendidikan Muzik	28	24.4
5	Pendidikan Jasmani & Kesihatan	55	47.8
	Keseluruhan	115	100.0

4.2 Tahap Kompetensi Pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK Berdasarkan SGM 2.0

Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dianalisis berdasarkan empat (4) domain iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dalam SGM 2.0. Bagi menjawab persoalan kajian pertama apakah tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berdasarkan SGM 2.0 dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5. Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kompetensi keseluruhan domain SGM 2.0 pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK berada pada $\text{min}=2.48$ ($\text{SP}=0.69$). Ini menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0 dalam keempat-empat domain SGM 2.0. Min skor

2.48 menunjukkan bahawa purata skor pelajar berjaya mencapai tahap kompetensi domain-domain yang diuji, sementara sisihan piawai 0.69 menunjukkan sedikit variabiliti dalam pencapaian pelajar. Skor sisihan piawai ini mencerminkan bahawa tahap kompetensi pelajar-pelajar ini agak seragam dan tidak terlalu menyimpang dari purata, dan menunjukkan keselarasan dalam pencapaian kompetensi mereka.

Jadual 5

Tahap Kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK Berdasarkan SGM 2.0

Domain	Min	Sisihan piawai	Tahap kompetensi
Orientasi Ilmu	2.47	0.70	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Instruksional	2.45	0.66	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Pelibatan Komuniti	2.48	0.69	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Kualiti Peribadi	2.52	0.70	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Keseluruhan	2.48	0.69	

4.3 Tahap Kompetensi Pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK Berdasarkan SGM 2.0 Dari Domain Orientasi Ilmu, Instruksional, Pelibatan Komuniti Dan Kualiti Peribadi.

Dapatan kajian tentang tahap kompetensi pelajar dibincangkan berdasarkan setiap domain kompetensi SGM 2.0 iaitu domain orientasi ilmu, domain instruksional, domain pelibatan komuniti dan domain kualiti peribadi.

4.3.1 Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dalam domain orientasi ilmu

Domain orientasi ilmu mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah mendalami dan meluaskan pengetahuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) iaitu keupayaan menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam. Kompetensi yang kedua adalah memahami falsafah, dasar, kurikulum dan kokurikulum iaitu keupayaan memahami falsafah, dasar dan menguasai pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum. Kompetensi yang ketiga adalah mengemas kini pengetahuan dari semasa ke semasa berdasarkan trend dan perkembangan pendidikan terkini iaitu keupayaan mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa. Kompetensi yang keempat adalah memahami dan mendalami pengetahuan dalam pengurusan organisasi dan hal ehwal murid iaitu keupayaan mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi. Berdasarkan Jadual 6, min keseluruhan domain orientasi ilmu adalah 2.47 (SP = 0.70). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai kesemua standard kompetensi SGM 2.0 bagi domain orientasi ilmu.

Jadual 6

Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dalam domain orientasi ilmu

Kompetensi	Bilangan Item	Min	SP	Tahap kompetensi
Menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam	10	2.56	0.70	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Memahami falsafah, dasar dan menguasai pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum	12	2.39	0.68	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa	8	2.63	0.72	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi	6	2.31	0.71	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Keseluruhan	36	2.47	0.70	

Skor min bagi kompetensi menguasai dan memperluaskan pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi mendapatkan pengetahuan PdP yang mendalam adalah 2.56 (SP = 0.70). Menurut Shulman [9], pedagogi isi kandungan adalah pengetahuan yang membolehkan guru menggabungkan pengetahuan kandungan dengan kaedah pengajaran yang sesuai. Ini memberi guru keupayaan untuk menyesuaikan bahan pengajaran mengikut tahap pemahaman pelajar, memastikan konsep-konsep sukar dapat disampaikan dengan cara yang lebih mudah dan difahami. Hal ini juga dibincangkan dalam kajian Darling-Hammond [10] yang menyatakan bahawa penguasaan pedagogi kandungan penting dalam menghasilkan pembelajaran yang lebih mendalam dan berkesan.

Skor min bagi kompetensi memahami falsafah, dasar dan menguasai pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum adalah 2.39 (SP = 0.68). Kajian menunjukkan bahawa apabila guru yang memahami falsafah dan dasar pendidikan mampu melibatkan pelajar dalam pembelajaran yang bermakna. Pemahaman falsafah pendidikan, seperti yang dibincangkan oleh Eisner [11], penting bagi guru untuk memastikan mereka mempunyai kompetensi yang selaras dengan matlamat dan dasar pendidikan negara. Pemahaman ini membolehkan guru menjalankan kurikulum dan kokurikulum dengan cara yang tidak hanya mematuhi piawaian tetapi juga relevan dengan keperluan semasa [11].

Skor min bagi kompetensi mengikut trend selari dengan perkembangan pendidikan terkini untuk keperluan pendidikan semasa adalah 2.63 (SP = 0.72). Ini menunjukkan bahawa pelajar kebolehan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam trend pendidikan, yang mana kemahiran ini sangat kritikal dalam pendidikan abad ke-21. Menurut Fullan [12], adaptasi kepada trend pendidikan terkini, seperti integrasi teknologi dan pendekatan pengajaran kolaboratif, membantu pelajar dan guru kekal relevan dan efektif dalam persekitaran pendidikan yang sentiasa berubah. Ini menyokong pendekatan pengajaran yang lebih responsif kepada cabaran globalisasi dan teknologi moden.

Akhir sekali skor min bagi kompetensi mendalami pengetahuan dalam bidang pengurusan organisasi dan hal ehwal murid selaras dengan hala tuju organisasi adalah 2.31 (SP = 0.71). Kompetensi ini penting untuk membentuk suasana yang kondusif dan menyokong perkembangan holistik murid. Kajian oleh Sergiovanni [13] menekankan bahawa guru yang memahami peranan mereka dalam pengurusan organisasi pendidikan lebih mampu untuk menyokong pembelajaran murid dengan persekitaran yang teratur dan berstruktur. Guru yang kompeten dalam hal ini juga lebih cenderung untuk memupuk iklim bilik darjah yang positif dan produktif bagi proses pembelajaran.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai tahap kompetensi minimum yang diperlukan dalam domain orientasi ilmu. Ini menunjukkan

kesediaan mereka untuk memasuki dunia pendidikan dengan kemampuan yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pendidikan dan menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan secara keseluruhan.

4.3.2 Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dari domain instruksional

Domain instruksional mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah memfokuskan perkembangan potensi murid iaitu keupayaan mengenal pasti keperluan, potensi dan keunikan murid untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah murid bagi pembelajaran yang bermakna. Kompetensi yang kedua adalah merancang PdP iaitu keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh. Kompetensi yang ketiga adalah melaksanakan PdP iaitu keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid. Kompetensi yang keempat adalah melaksanakan pentaksiran pembelajaran iaitu keupayaan untuk melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid bagi meningkatkan pembelajaran murid. Berdasarkan Jadual 7, min keseluruhan domain ini adalah 2.47 (SP = 0.66). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai kesemua standard kompetensi SGM 2.0 bagi domain instruksional. Skor min bagi kompetensi memfokuskan perkembangan potensi murid iaitu keupayaan mengenal pasti keperluan, potensi dan keunikan murid untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah murid bagi pembelajaran yang bermakna adalah 2.59 (SP = 0.65). Hal ini selari dengan pendekatan pembelajaran terbeza, yang menyarankan supaya guru dapat mengenal pasti kelebihan dan kekuatan pelajar untuk meningkatkan proses pembelajaran yang bermakna dan efektif [10,14]. Menurut Tomlinson [14], pengajaran yang berpusatkan murid memerlukan guru untuk memahami keperluan individu murid bagi membangunkan potensi mereka secara menyeluruh.

Jadual 7

Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dalam domain instruksional

Kompetensi	Bilangan Item	Min	SP	Tahap Kompetensi
Memfokuskan perkembangan potensi murid iaitu keupayaan mengenal pasti keperluan, potensi dan keunikan murid untuk memperkembangkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah murid bagi pembelajaran yang bermakna	17	2.59	0.65	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Merancang PdP iaitu keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh	7	2.49	0.66	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Melaksanakan PdP iaitu keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid	21	2.49	0.64	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Melaksanakan pentaksiran pembelajaran iaitu keupayaan untuk melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid bagi meningkatkan pembelajaran murid	17	2.32	0.69	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Keseluruhan	62	2.47	0.66	

Skor min bagi kompetensi merancang PdP iaitu keupayaan merancang PdP dengan merujuk kepada dokumen kurikulum terkini untuk membangunkan potensi murid secara menyeluruh adalah 2.49 (SP = 0.66). Dapatan ini menunjukkan pelajar mempunyai kemampuan untuk mengintegrasikan objektif kurikulum dengan strategi pengajaran yang sesuai. Menurut Deng [15], perancangan PdP yang berkesan sangat penting untuk meningkatkan pencapaian akademik dan perkembangan potensi murid secara holistik. Menurut beliau lagi, melalui perancangan yang komprehensif dan sistematik dalam PdP membantu memastikan bahawa pelajar memperoleh pendidikan yang berkualiti tinggi.

Skor min bagi kompetensi melaksanakan PdP iaitu keupayaan melaksanakan PdP menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan aras keupayaan murid adalah 2.49 (SP = 0.64). Menurut Hattie [16] keberkesanan PdP bergantung kepada penggunaan strategi pedagogi yang dapat memenuhi keperluan kognitif murid pada tahap-tahap yang berbeza. Dengan pemahaman ini, diharapkan bakal guru ini mampu menggalakkan murid mereka untuk berfikir secara kritis dan mengaitkan pembelajaran mereka dengan situasi kehidupan sebenar, seterusnya menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna dan relevan.

Bagi kompetensi melaksanakan pentaksiran pembelajaran, skor minnya adalah 2.32 (SP = 0.69) menunjukkan bahawa pelajar mampu melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian untuk meningkatkan pembelajaran murid. Pentaksiran yang efektif adalah satu alat penting dalam menilai keberkesanan pembelajaran dan PdP, serta membantu guru memahami tahap pencapaian murid. Zamri dan Hamzah [17] menekankan bahawa pentaksiran formatif yang dijalankan secara berterusan dapat memberikan maklum balas yang membantu dalam memperbaiki proses pembelajaran murid. Pentaksiran yang baik juga membantu guru untuk menyesuaikan pengajaran berdasarkan tahap pencapaian dan keperluan murid.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah mencapai tahap kompetensi yang diperlukan dalam merancang, melaksanakan, dan menilai pengajaran secara berkesan. Ini adalah bukti bahawa pelajar PISMP memiliki keupayaan untuk melaksanakan PdP yang memenuhi standard pendidikan moden, serta memberi tumpuan kepada pembangunan potensi murid secara menyeluruh dan holistik.

4.3.3 Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dari domain pelibatan komuniti

Domain pelibatan komuniti mempunyai tiga (3) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid iaitu keupayaan membina jalinan dan jaringan serta perkongsian pintar bersama-sama ibu bapa/penjaga dan komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid. Kompetensi yang kedua adalah melibatkan komuniti untuk membantu pembelajaran murid iaitu keupayaan melibatkan komuniti untuk memperkaya pembelajaran murid. Kompetensi yang ketiga adalah meraikan kepelbagaian komuniti iaitu keupayaan menerima dan menghormati kepelbagaian dalam komuniti untuk manfaat bersama.

Berdasarkan Jadual 8, min keseluruhan domain ini adalah 2.47 (SP = 0.68). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai kesemua standard kompetensi SGM 2.0 bagi domain pelibatan komuniti. Skor min 2.43 (SP = 0.68) bagi kompetensi pertama ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemampuan untuk membina jaringan dan kolaborasi bersama ibu bapa dan komuniti bagi menyokong pembelajaran murid. Menurut Epstein dan Sanders [18], penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan dapat meningkatkan motivasi murid dan memperkukuhkan sokongan sosial. Tambahan lagi, kolaborasi ini membolehkan ibu bapa dan komuniti memainkan peranan penting dalam pembentukan persekitaran pembelajaran yang holistik dan saling menyokong.

Jadual 8

Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dalam domain pelibatan komuniti

Kompetensi	Bilangan Item	Min	SP	Tahap Kompetensi
Membina jalinan dan jaringan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid iaitu keupayaan membina jalinan dan jaringan serta perkongsian pintar bersama-sama ibu bapa/penjaga dan komuniti luar untuk menyokong pembelajaran murid	8	2.43	0.68	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Melibatkan komuniti untuk membantu pembelajaran murid iaitu keupayaan melibatkan komuniti untuk memperkaya pembelajaran murid	9	2.46	0.64	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Meraikan kepelbagaian komuniti iaitu keupayaan menerima dan menghormati kepelbagaian dalam komuniti untuk manfaat bersama	11	2.52	0.72	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Keseluruhan	28	2.47	0.68	

Skor min 2.46 (SP = 0.64) bagi kompetensi seterusnya menunjukkan pelajar berupaya untuk melibatkan komuniti dalam menyokong pembelajaran murid. Penglibatan komuniti dalam pendidikan memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, melalui pendedahan kepada pelbagai perspektif dan sumber yang tersedia di luar bilik darjah [18]. Hal ini membolehkan pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang lebih menyeluruh, dan pada masa yang sama, membantu mereka memahami kepentingan sokongan komuniti dalam pendidikan mereka. Komuniti yang terlibat dengan pembelajaran murid dapat menyediakan konteks sebenar kepada teori-teori yang dipelajari di IPG.

Skor min 2.52 (SP = 0.72) mencerminkan pemahaman pelajar terhadap kepentingan meraikan kepelbagaian dalam komuniti untuk manfaat bersama. Menghormati kepelbagaian dalam masyarakat penting untuk memupuk persekitaran pembelajaran yang inklusif dan menyokong semua murid tanpa mengira latar belakang mereka. Pemahaman mengenai kepelbagaian budaya adalah kritikal dalam pendidikan kerana ia membantu pelajar membentuk identiti sosial yang positif dan menghormati perbezaan budaya [19,20]. Selain itu, mereka juga menjelaskan bahawa apabila pelajar terbuka terhadap kepelbagaian, mereka lebih mudah menerima dan memahami perspektif berbeza yang dapat memperkaya proses pembelajaran dan menggalakkan interaksi sosial yang positif.

Secara keseluruhan, skor purata dalam domain ini menunjukkan bahawa pelajar PISMP telah mencapai standard kompetensi SGM 2.0 dalam pelibatan komuniti. Keupayaan mereka untuk melibatkan ibu bapa, memanfaatkan sumber komuniti, dan meraikan kepelbagaian menunjukkan kesediaan mereka untuk membina hubungan yang bermakna dan konstruktif dengan pelbagai pihak. Ini adalah langkah penting dalam mengukuhkan sokongan terhadap murid, sekaligus memastikan proses pembelajaran yang lebih holistik dan inklusif.

4.3.4 Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dari domain kualiti peribadi

Domain kualiti peribadi mempunyai empat (4) kompetensi. Kompetensi yang pertama adalah mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri iaitu keupayaan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti peribadi. Kompetensi yang kedua adalah menjiwai amalan keguruan dan budaya kerja iaitu keupayaan mengekalkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti untuk memartabatkan profesion keguruan. Kompetensi yang ketiga adalah mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah iaitu keupayaan untuk menonjolkan keperibadian, perwatakan dan amalan kepimpinan yang dihormati dan disegani. Kompetensi yang keempat adalah menerima kepelbagaian budaya iaitu keupayaan untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti bagi melaksanakan tanggungjawab.

Berdasarkan Jadual 9, min keseluruhan domain ini adalah 2.52 (SP = 0.70). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mencapai kesemua standard kompetensi SGM 2.0 bagi domain kualiti peribadi.

Jadual 9

Tahap kompetensi pelajar PISMP Ambilan Jun 2019 IPGKIK dalam domain kualiti peribadi

Kompetensi	Bilangan Item	Min	SP	Tahap kompetensi
Mengamalkan peningkatan dan refleksi sendiri iaitu keupayaan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti peribadi	9	2.47	0.70	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Menjiwai amalan keguruan dan budaya kerja iaitu keupayaan mengekalkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti untuk memartabatkan profesion keguruan	16	2.52	0.69	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah iaitu keupayaan untuk menonjolkan keperibadian, perwatakan dan amalan kepimpinan yang dihormati dan disegani	12	2.56	0.71	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Menerima kepelbagaian budaya iaitu keupayaan untuk menghormati perbezaan dan persamaan individu lain dan komuniti bagi melaksanakan tanggungjawab	15	2.54	0.68	Berjaya mencapai standard kompetensi SGM 2.0
Keseluruhan	52	2.52	0.70	

Skor min 2.47 (SP = 0.70) bagi kompetensi peningkatan dan refleksi sendiri menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran yang baik tentang pentingnya mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri untuk pembangunan peribadi. Menurut Schön [21], refleksi sendiri adalah asas kepada pembelajaran berterusan dan peningkatan profesional, kerana ia membolehkan individu menganalisis tindakan mereka dan membuat penyesuaian yang diperlukan untuk peningkatan. Kemampuan refleksi sendiri membolehkan guru untuk lebih peka terhadap keperluan pengajaran dan perkembangan diri, serta membantu mereka menyesuaikan strategi pengajaran mereka demi peningkatan hasil pembelajaran murid.

Skor min 2.52 (SP = 0.69) bagi kompetensi menjiwai amalan keguruan dan budaya kerja menunjukkan pelajar mempunyai pemahaman yang baik terhadap keperluan untuk mengekalkan integriti, kredibiliti, dan akauntabiliti dalam profesion keguruan. Tugas seorang guru bukan hanya mengajar, tetapi juga menjaga etika dan nilai profesional. Milner dan Scholkmann [22]. menekankan pentingnya aspek ini, di mana guru yang mempunyai nilai integriti dan akauntabiliti tinggi cenderung

dihormati oleh masyarakat dan dapat mempengaruhi murid secara positif. Amalan ini penting untuk memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap profesion keguruan.

Skor min 2.56 (SP = 0.71) bagi kompetensi mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah menunjukkan keupayaan pelajar untuk mempamerkan kepimpinan yang berkarisma dan dihormati. Kepimpinan dalam konteks pendidikan memerlukan guru untuk menunjukkan sikap yang boleh dicontohi dan membimbing murid secara holistik. Northouse [23] mencadangkan bahawa kepimpinan yang efektif dalam pendidikan melibatkan aspek emosi dan sosial yang membolehkan guru untuk berhubung dengan murid secara empatik, membentuk kepercayaan, dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif. Kepimpinan ini, apabila digabungkan dengan kualiti insaniah, membantu dalam membangun kepercayaan dan hubungan yang positif dengan murid.

Skor min 2.54 (SP = 0.68) bagi kompetensi menerima kepelbagaian budaya, pelajar menunjukkan pemahaman yang penting dalam menghormati perbezaan dan persamaan dalam masyarakat berbilang budaya. Banks [19] menekankan kepentingan menghormati kepelbagaian dalam bilik darjah sebagai salah satu cara untuk menggalakkan penerimaan budaya yang berbeza. Guru yang sensitif kepada kepelbagaian budaya lebih mampu membentuk persekitaran pembelajaran yang inklusif dan menghormati. Amalan ini juga berperanan dalam memupuk sikap toleransi dalam kalangan pelajar, yang seterusnya menggalakkan perpaduan dalam masyarakat yang pelbagai.

Secara keseluruhannya, pencapaian pelajar dalam domain kualiti peribadi menunjukkan bahawa mereka telah mencapai tahap kompetensi yang diperlukan dalam memahami dan mengamalkan etika profesional, menyesuaikan diri dengan keperluan kepimpinan yang positif, serta menghormati kepelbagaian budaya dalam komuniti. Ini membuktikan bahawa mereka mampu menjalankan tugas sebagai guru yang beretika, proaktif dalam perkembangan diri, dan peka terhadap kepelbagaian sosial, yang sangat penting untuk peranan mereka dalam pendidikan yang lebih inklusif dan progresif.

5. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan keseluruhan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) berjaya menghasilkan pelajar yang memenuhi standard kompetensi SGM 2.0. Walaupun pencapaian dalam keempat-empat domain menunjukkan min yang berada dalam lingkungan 2.44 hingga 2.52, yang memenuhi tahap minimum standard kompetensi, terdapat potensi untuk meningkatkan aspek profesionalisme pelajar.

Ini menunjukkan keperluan bagi IPGKIK untuk memperkukuh program latihan dan aktiviti yang diselaraskan dengan cabaran dan perubahan dasar pendidikan terkini seperti dasar MADANI, tujuh teras utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), serta faktor-faktor global lain yang mempengaruhi dunia pendidikan. Menurut kajian literatur, pelaburan dalam program latihan yang fokus pada peningkatan profesionalisme dan fleksibiliti terhadap perubahan adalah penting bagi menghasilkan guru yang berkualiti, berdaya saing, dan mampu menghadapi cabaran baru dalam pendidikan [10,14,15].

Latihan perguruan perlu dirangka dengan kurikulum yang bukan sahaja menekankan aspek pengajaran, tetapi juga aspek karakter dan etika profesional, agar guru yang dihasilkan bukan sahaja cekap dalam pedagogi, tetapi juga mempunyai nilai insaniah dan keperibadian yang mampu mempengaruhi pelajar secara positif [12,20]. Adalah penting juga bagi pelajar menunjukkan sikap keterbukaan terhadap perubahan dalam pendidikan, yang boleh mengukuhkan keupayaan mereka untuk bertindak balas terhadap perkembangan tatakelola dan dasar pendidikan yang dinamik.

Dengan demikian, IPGKIK diharapkan dapat terus memantapkan latihan guru dengan pendekatan yang komprehensif dan selari dengan standard SGM 2.0, demi memastikan graduan yang kompeten, fleksibel, dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan dalam profesion keguruan.

6. Rujukan

- [1] Institut Pendidikan Guru Malaysia. 2017. *Buku panduan akademik sesi 2017/2018: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- [2] Makhsin, Mardzelah, Teoh Yong Ping, and Nor Hasimah Ismail. "Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik." *International Journal of Education, Psychology and counselling (IJEPC)* 7, no. 46 (2022): 1-20. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.746026>
- [3] Sazali Yusof, Ahmad Sukari Mohamad, Siti Rohani Mohd Zainn. 2018. Jiwa pendidik, kepercayaan dan amalan dalam kalangan guru-guru sekolah rendah negeri Pulau Pinang. *Kolokium Kepimpinan Pendidikan Guru*, 7-9 November, 2018. Hotel Summit USJ.
- [4] Hassan, Mohd Aizat Abu, and Kamarudin Musa. "Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia." *Management Research Journal* 9, no. 2 (2020): 37-45.
- [5] Hasriadi, Hasriadi. "Strategi Pembelajaran." (2022).
- [6] bin Ismail, Mohd Zailani, and Mohamad Khairi bin Othman. "Amalan pedagogi abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih program ijazah sarjana muda perguruan (PISMP) pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia." *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 13 (2021): 54-71.
- [7] Arbaa, Rohani, Hazri Jamil, and Mohammad Zohir Ahmad. "Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42, no. 1 (2017): 1-11.
- [8] Guru, Bahagian Profesionalisme. "Standard Guru Malaysia 2.0." (2020).
- [9] Shulman, Lee. "Knowledge and teaching: Foundations of the new reform." *Harvard educational review* 57, no. 1 (1987): 1-23. <https://doi.org/10.17763/haer.57.1.j463w79r56455411>
- [10] Darling-Hammond, Linda. "Teacher learning that supports student learning." *Teaching for intelligence* 2 (2008): 91.
- [11] Eisner, Elliot WW. *Cognition and curriculum reconsidered*. Sage, 1996.
- [12] Fullan, Michael. "Learning is the work." *Unpublished paper*. Retrieved from: <http://www.michaelfullan.ca/media/13396087260.pdf> (2011).
- [13] Sergiovanni, Tom. *Leadership: What's in it for Schools?* Routledge, 2005. <https://doi.org/10.4324/9780203995716>
- [14] Tomlinson, Carol Ann. *How to differentiate instruction in mixed-ability classrooms*. Ascd, 2001.
- [15] Deng, Zongyi. "Constructing 'powerful' curriculum theory." In *Towards Powerful Educational Knowledge*, pp. 37-54. Routledge, 2024. <https://doi.org/10.4324/9781032712802-4>
- [16] Hattie, John. *Visible learning: The sequel: A synthesis of over 2,100 meta-analyses relating to achievement*. Routledge, 2023. <https://doi.org/10.4324/9781003380542>
- [17] Zamri, Norfarahin Bt Mohd, and Mohd Isa B. Hamzah. "Teachers' competency in implementation of classroom assessment in learning." *Creative Education* 10, no. 12 (2019): 2939-2946. <https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012218>
- [18] Epstein, Joyce L., and Mavis G. Sanders. "Family, school, and community partnerships." *Handbook of parenting volume 5 practical issues in parenting* 406 (2002).
- [19] Banks, James A. *Handbook of research on multicultural education*. Edited by Cherry A. McGee Banks. Vol. 2. San Francisco, CA: Jossey-Bass, 2004.
- [20] Bilier, Oksana, Olha Vasko, Viktoriia Hryenko, Oleksandr Melnyk, Tetiana Hurkova, and Liudmyla Korolova. "A Child-Centered Approach to the Organization of the Educational Process in the New Ukrainian Elementary School of Neuropsychology." *BRAIN. Broad Research in Artificial Intelligence and Neuroscience* 14, no. 3 (2023): 92-106. <https://doi.org/10.18662/brain/14.3/463>
- [21] Schön, Donald A. *The reflective practitioner: How professionals think in action*. Routledge, 2017. <https://doi.org/10.4324/9781315237473>
- [22] Milner, Alison L., and Antonia Scholkmann. "Future teachers for future societies: transforming teacher professionalism through problem-based professional learning and development." *Professional Development in Education* 49, no. 4 (2023): 739-751. <https://doi.org/10.1080/19415257.2023.2203173>
- [23] Northouse, Peter G. *Leadership: Theory and practice*. Sage publications, 2021.